

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI  
HAJI ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]  
– (PENYOKONG)**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hajah Rohani Binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam memastikan program atau kursus pembangunan keluarga dan masyarakat dapat dijalankan secara berterusan dalam keadaan Wabak COVID-19 yang membimbangkan sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan bahawa wabak COVID-19 yang sedang dihadapi di negara kita turut memberi kesan kepada ahli keluarga. Hasil kajian Kesejahteraan Diri dalam Komuniti semasa PKP oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati hubungan kekeluargaan dan sistem sokongan yang tinggi amat membantu ahli keluarga kekal stabil dan sejahtera. Justeru, program pendidikan kekeluargaan amat penting sebagai salah satu program pencegahan dan intervensi bagi membantu ibu bapa dan ahli keluarga menghadapi cabaran baharu dan seterusnya memulakan semula kehidupan.

Bagi memastikan program pendidikan kekeluargaan dapat diteruskan kepada kumpulan sasar, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif sepanjang bulan Mac hingga Oktober 2020 dengan pendekatan seperti berikut :

1. Mengoptimumkan penganjuran seminar dan forum kekeluargaan secara dalam talian bagi peringkat kebangsaan dan serantau.
2. Perluasan kursus pembangunan keluarga secara interaktif menerusi platform *FB live*.
3. Bersiaran melalui televisyen dan radio tempatan bagi berkongsi ilmu berkaitan pendidikan kekeluargaan dan kemahiran keibubapaan.
4. Koleksi Tips Pendidikan Keluarga Sejahtera.
5. Program pendidikan remaja dan keluarga menerusi siri *TEEN Online Courses (TOC)* dan perkhidmatan Radio kafeTEEN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

6. Penglibatan dan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) turut dipertingkatkan bagi menyebarkan pendidikan kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu, beberapa inisiatif sedang giat dilaksanakan oleh Kementerian pada masa ini untuk mempelbagaikan pendekatan program pendidikan kekeluargaan seperti:

- (i) **Pelaksanaan kursus menerusi Sistem Kursus Pembangunan Keluarga Dalam Talian (*e-learning*)** Modul-modul pendidikan kekeluargaan telah diubah suai dalam bentuk digital akan beroperasi dalam talian pada awal tahun 2021.
- (ii) **Pembangunan “Akademi Keluarga Sejahtera” (AKS) di laman facebook** sebagai *platform* pendidikan kekeluargaan bagi pihak kementerian dan agensi di bawahnya untuk mengupas topik semasa dan isu-isu sosial berkaitan kumpulan sasar KPWK. AKS juga turut menjadi medium kepada ahli akademik dan pakar kekeluargaan untuk berkongsi ilmu dan tips kekeluargaan dengan orang ramai.

Walau bagaimanapun, Kementerian dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) juga turut meneruskan usaha **melaksanakan kursus kekeluargaan secara fizikal dalam skala kecil** selaras dengan saranan dan standard operasi yang ditetapkan.

Kementerian berharap supaya masyarakat sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pendidikan kekeluargaan dengan mengambil bahagian dalam program yang telah dirancang oleh pihak Kementerian secara dalam talian melalui media sosial dan juga melalui hebahan stesen penyiaran tempatan. Kementerian akan sentiasa terus menambah baik kaedah dan pendekatan bagi memastikan program dapat sampai dengan berkesan kepada kumpulan sasar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]  
– (PEMBANGKANG)**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Hajah Natrah Binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pihak kementerian berhasrat untuk mewajibkan semua agensi Kerajaan dan swasta menyediakan TASKA di Tempat Kerja bagi wanita yang mempunyai anak jagaan di bawah umur empat tahun.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*] dikuatkuasakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah bagi tujuan pendaftaran TASKA dalam memastikan kualiti pengasuhan dan keselamatan kanak-kanak di TASKA.

Kementerian ini amat menggalakkan agar semua agensi kerajaan mahupun swasta menyediakan TASKA di Tempat Kerja. Ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1989 yang menyatakan TASKA di Tempat Kerja boleh disediakan untuk kebajikan kakitangan awam.

Pada tahun 2018, Kementerian ini telah menyasarkan agar semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan dapat menubuhkan TASKA di Tempat Kerja menjelang Januari 2019.

Justeru, pada tahun 2019 sebanyak RM10 juta peruntukan telah disediakan dan sebanyak 65 buah TASKA di Tempat Kerja telah ditubuhkan. Seterusnya pada tahun 2020, sebanyak 32 buah TASKA di Tempat Kerja ditubuhkan dengan peruntukan RM5.03 juta. Namun demikian, akibat penularan wabak COVID-19, dan Perintah Kawalan Pergerakan dari 17 Mac 2020 dan gelombang kedua penularan COVID-19 di negara ini, baki peruntukan RM24 juta daripada Geran Penubuhan TASKA di Tempat Kerja tersebut digunakan bagi tujuan Bantuan Khas kepada Pengusaha TASKA yang terkesan secara langsung dengan PKP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]  
– (PEMBANGKANG)**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Kesavan a/l Subramaniam [ Sungai Siput ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status pengumuman cadangan menaikkan bantuan bulanan JKM yang sekarang RM300 kepada mereka yang layak dinaikkan RM1,000.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 30 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan cadangan kenaikan kadar bantuan daripada RM200 hingga RM300 kepada maksimum RM1,000 dengan tujuan untuk memenuhi keperluan asas (*basic needs*) dan meringankan beban penerima bantuan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus bersama pihak Kementerian Kewangan berkaitan dengan cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi kenaikan kadar bantuan.

Sehubungan itu, KPWKM telah mengemukakan cadangan kenaikan kadar bantuan JKM dalam Dasar Bajet Kementerian bagi tahun 2021 untuk perhatian dan pertimbangan Kementerian Kewangan.